

SOALAN NO. 527

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN G MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[Kapar]**

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

**Tuan G Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan :-**

- (a) apakah tindakan JKM dan/atau Kementerian untuk ibu bapa yang mencuri barang keperluan asas untuk memberi makanan kepada bayi/anak mereka. Adakah Kerajaan Pusat berhasrat

untuk membantu golongan miskin ini daripada menghukum mereka; dan

- (b) secara terperinci kes pembuangan bayi dari tempoh masa 1 Januari sehingga 31 Disember untuk tahun 2013, 2014, 2015, dan 2016 mengikut kategori negeri, kaum dan golongan usia ibu dan bapa. Apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menangani masalah pembuangan bayi.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat(KPWKM) amat prihatin terhadap keperluan dan kebajikan golongan miskin dan mereka yang memerlukan. Sebagai makluman, falsafah pemberian bantuan kebajikan bukanlah untuk menampung sepenuhnya kos sara hidup seseorang. Sebaliknya bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban buat sementara waktu sehingga penerima bantuan mampu hidup berdikari dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan.

Sebagai makluman Yang Berhormat, salah satu kriteria mereka yang layak menerima bantuan kebajikan adalah keluarga tahanan banduan di mana ketua keluarga terlibat dengan kesalahan jenayah, penyalahgunaan dadah dan sebagainya yang menyebabkan ketua keluarga di tahan/di penjara untuk tempoh yang tertentu hingga menyebabkan ketua keluarga tidak dapat menjalankan peranannya dan keluarga kehilangan sumber

pendapatan, maka keluarga berkenaan layak dibantu menerusi bantuan sarahidup dari JKM. Antara bantuan yang layak disalurkan adalah seperti:

- i. **Bantuan Am (BA) Persekutuan** dengan kadar RM100 hingga RM350 sebulan diberikan kepada keluarga banduan yang kehilangan sumber pendapatan bagi menampung perbelanjaan keperluan asas dan tidak mengambil kira bilangan anak;
- ii. **Bantuan Kanak-kanak** dengan kadar RM100 sebulan seorang, maksimum RM450 sebulan sekeluarga yang melebihi empat (4) orang anak dipertimbangkan kepada keluarga banduan yang sedang memberi jagaan kepada kanak-kanak;
- iii. **Bantuan Anak Pelihara (BAP)** dengan kadar RM250 sebulan seorang kanak-kanak dan maksimum RM500 sebulan sekeluarga diberikan kepada ibubapa yang memelihara dua (2) orang kanak-kanak atau lebih. Ini sekiranya anak-anak ini diletakkan di bawah jagaan keluarga ganti sepanjang tempoh ibu bapa atau penjaga menjalani perintah penjara tersebut.

Selain dari bantuan kewangan, pihak JKM juga menyalurkan perkhidmatan sokongan sosio-emosi di mana perkhidmatan kaunseling individu dan keluarga turut disalurkan kepada keluarga ini supaya dapat diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

Dari segi hukuman kesalahan jenayah, adalah tertakluk di bawah bidang kuasa badan kehakiman dan pihak Kementerian tidak mempunyai kuasa untuk memansuhkannya.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memandang serius mengenai masalah pembuangan bayi yang berlaku pada hari ini.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, kes pembuangan bayi yang dilaporkan bagi tempoh 2013 sehingga 2016 adalah meningkat setiap tahun. Pada tahun 2013 jumlah kes adalah sebanyak **90** kes. Seterusnya tahun 2014 meningkat kepada **104**. Kes terus meningkat pada tahun 2015 dan 2016 iaitu masing-masing **111** kes dan **115** kes. Jumlah keseluruhan

kes bagi tempoh 2013 sehingga 2016 adalah sebanyak **419** kes. Bagi tempoh tersebut, tiga buah negeri yang mencatatkan jumlah kes tertinggi adalah negeri Selangor sebanyak **90** kes, diikuti dengan Johor sebanyak **50** kes dan Sabah sebanyak **49** kes.

Bagi maklumat mengikut kaum/bangsa, kebanyakan kes pembuangan bayi sukar untuk diketahui dari segi bangsa/kaum bayi berkenaan. Sebanyak **111** kes dikenalpasti berbangsa Melayu dan **16** kes adalah Bumiputera Sabah dan Sarawak. Selainnya adalah berbangsa India, Indonesia, Cina dan Myanmar. Majoriti usia ibu bayi yang dibuang juga sukar untuk diketahui. Berdasarkan rekod PDRM bagi tahun 2013 hingga 2016, sebanyak **298** kes tidak diketahui usia ibu, **93** kes berusia 18 hingga 25 tahun, **34** kes berusia 25 tahun ke atas dan **24** kes berusia di bawah 18 tahun.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui agensi-agensinya di bawahnya melaksanakan pelbagai usaha untuk membendung masalah pembuangan bayi yang berlaku pada

hari ini. Antara usaha-usaha yang dijalankan bagi menangani masalah pembuangan bayi adalah :

- i) Menyediakan Rumah Perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah. Terdapat 4 buah institusi kendalian JKM disediakan untuk kanak-kanak hamil luar nikah berusia di bawah 18 tahun dan 2 buah institusi untuk wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas. Wanita dan keluarga kanak-kanak yang hamil luar nikah dan memerlukan perlindungan boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh negara.

- ii) Kementerian juga menyediakan 65 buah institusi kebajikan, 104 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, 53 buah Klinik Nur Sejahtera dan 149 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak yang bersedia memberi perkhidmatan sokongan kepada ibu bawah umur yang mengandung luar nikah ini.

- iii) Perkhidmatan khidmat nasihat dan kaunseling kepada ibu di bawah umur yang mengandung luar nikah turut disediakan. Dalam hal ini seramai 183 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 2 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), 16 orang Pegawai Psikologi di Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN) serta 51 orang Panel Kaunselor di bawah penyelarasan LPPKN sentiasa bersedia untuk membantu kanak-kanak dan ahli keluarga yang traumatik.

- iv) Kementerian turut menjalinkan kerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-Anak Yatim Kuala Lumpur (OrphanCARE) yang menyediakan tempat perlindungan dan khidmat sokongan sosial termasuk *Baby Hatch* kepada wanita bawah umur yang mengandung luar nikah. Sehingga kini terdapat sebanyak lapan (8) buah hospital dan sebuah (1) NGO telah menubuhkan *Baby Hatch* di seluruh Malaysia.

- v) Selain itu, KPWKM turut mengambil langkah-langkah dalam usaha mencegah peningkatan isu kehamilan luar nikah di kalangan remaja bawah melalui pelaksanaan program-program di bawah Dasar dan

Pelan Tindakan Kesihatan Reproktif dan Sosial Kebangsaan seperti berikut:

- a) PEKERTI@PLKN
 - b) PEKERTI@Sekolah
 - c) PEKERTI@IPGM
 - d) PEKERTI@KOMUNITI
 - e) Pusat Remaja Kafe@TEEN
- vi) Kementerian melalui JKM turut menjalankan kerjasama strategik seperti kempen, seminar dan forum melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi seperti Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak dan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak bagi memaklumkan perkhidmatan yang ada disediakan oleh JKM.